

SOAL DAN JAWAB

Q1. Berapakah harga Label Keselamatan Hologram baru?

A1. Harga Label Keselamatan Hologram baru - FarmaTag yang diumumkan oleh pihak kerajaan Kementerian Kesihatan Malaysia adalah RM0.064/unit label.

Q2. Apakah perbezaan antara Label Keselamatan Hologram baru dengan yang lama?

Q2. Label Keselamatan Hologram baru - FarmaTag datang dengan rekabentuk baru yang memenuhi syarat-syarat dan ciri-ciri keselamatan yang ditetapkan oleh pihak Kementerian Kesihatan Malaysia. Pesanan pembelian Label Keselamatan Hologram baru perlu dibuat atas talian atau secara "online" sama ada melalui "web based" atau aplikasi telefon pintar yang disediakan. Pihak industri perlu membuat pendaftaran dengan pihak TECHNO SECURE PRINT (TSP) bagi mendapatkan kata laluan untuk digunapakai semasa pesanan pembelian secara atas talian. Sistem pesanan ini membolehkan pihak syarikat memantau pembelian dan stok label secara dalam talian. Pihak syarikat juga berupaya merekod penggunaan label pada produk menggunakan sistem sedia ada bagi meningkatkan kawalan penggunaan label oleh pihak syarikat dan pihak kerajaan.

Q3. Apakah saiz Label Keselamatan Hologram baru?

A3. Saiz Label Keselamatan Hologram baru – FarmaTag ialah 8mm X 18mm

Q4. Adakah pihak syarikat baru akan membekalkan *Calibration Roll* untuk tujuan ujian mesin *applicator*?

A4. Ya. *Calibration roll* boleh dibeli dan pesanan boleh dibuat melalui sistem pesanan. Untuk maklumat lanjut sila email kepada info@technosecureprint.com

Q5. Apakah bentuk Label Keselamatan Hologram baru - FarmaTag?

A5. Bentuk Label Keselamatan Hologram baru - FarmaTag sama seperti yang lama iaitu Segi empat tepat.

Q6. Adakah Label Keselamatan Hologram baru – FarmaTag boleh menahan suhu yang panas dimana produk-produk selepas proses penampalan label akan menerusi proses pembungkusan *Shrink Wrap*?

A6. Ya. Label Keselamatan Hologram baru - FarmaTag masih akan berfungsi baik walaupun suhu panas.

Q7. Berapakah kuantiti pesanan minimum Label Keselamatan Hologram?

A7. Kuantiti pesanan minimum untuk “roll” ialah satu roll atau kuantiti 15,000 keping label dan “sheet” ialah dua sheets atau kuantiti 200 keping label.

Q8. Adakah pihak syarikat menyediakan terma kredit untuk pihak pembeli?

A8. Tidak.

Q9. Apakah format jualan Label Keselamatan Hologram baru?

A9. Format jualan Label Keselamatan Hologram Baru dari syarikat TECHNO SECURE PRINT (TSP):

- a) Helaian (*Sheet form*, 100 keping labels per *sheet*)
- b) Helaian (*Pack Sheet*, 10,000 keping per *pack*)
- c) Gulungan (*Roll form*, 15000 keping labels per *roll*)

Q10. Bagaimana syarikat boleh mendaftar dengan pihak pembekal untuk sistem ID dan kata laluan?

A10. Pautan pendaftaran ID dan kata laluan sistem akan dihantarkan menerusi emel dimana alamat emel akan dibekalkan oleh NPRA. Jadi pihak pembeli perlu memastikan alamat emel yang ada pada NPRA adalah yang paling terkini.

Q11. Apakah tempoh penyerahan Label Keselamatan Hologram baru?

A11.Tempoh serahan bagi Label Keselamatan Hologram adalah empat belas (14) hari bekerja dari tarikh bayaran dibuat oleh syarikat Pembeli

Q12. Dimanakah lokasi pengambilan Label Keselamatan Hologram baru - FarmaTag?

A12. Label Keselamatan Hologram - FarmaTag baru boleh diambil di kilang beralamat SD30, Jalan KIP 10, Kawasan Perindustrian Kepong, 52200 Kuala Lumpur.

Q13. Adakah pihak pembekal boleh membuat penghantaran Label Keselamatan Hologram - FarmaTag kepada pihak pembeli?

A13. Ya. Pihak pembekal boleh membuat penghantaran melalui courier service dimana kos penghantaran dibiayai oleh pihak pembeli dengan tambahan 0.2% kos insuran atas kos pembelian keseluruhan.

Q14. Adakah kemungkinan Label Keselamatan Hologram - FarmaTag yang dihantar oleh pihak pembekal kurang daripada kuantiti yang sepatutnya atau mempunyai kecacatan keatas fizikal label yang menyebabkan label itu tidak boleh dipakai? Dan adakah ganti rugi akan dibayar kepada pihak pembeli?

A14. Semua Label Keselamatan Hologram yang dihantar oleh pihak pembekal akan melalui proses pengawalan kualiti. Namun kemungkinan itu masih lagi ada.

Seandainya kemungkinan ini timbul, maka pihak pembekal akan mengemukakan credit note kepada pihak pembeli sebagai ganti kepada sebarang kekurangan kuantiti , dengan syarat, pihak pembeli mesti mengemukakan permintaan secara bertulis dan bukti secara bertulis tentang kekurangan yang di nyatakan dalam tempoh 7 hari bekerja.

Bagi Label Keselamatan yang mengalami kecacatan fizikal yang dikesan oleh pihak pembeli sebelum label berkenaan di gunapakai, credit note akan diberi kepada pembeli yang mengemukakan permintaan secara bertulis dan bukti berbentuk gambar kecacatan yang jelas keatas label berkenaan.

Permintaan secara bertulis dan bukti yang diperlukan haruslah diemelkan kepada pihak pembekal di info@technosecureprint.com untuk proses penilaian. Bagi permintaan yang diterima dan mendapat perakuan kekurangan dan/atau kecacatan oleh pihak pembekal, pihak pembekal akan mengeluarkan credit note kepada pihak pembeli sebagai ganti kekurangan dan/atau kecacatan label berkenaan yang dialami oleh pihak pembeli berserta incident report kepada pihak pembeli.

Q15. Bagaimanakah pihak pembeli boleh menghubungi pihak syarikat pembekal?

A15. Pihak syarikat boleh menghubungi pihak pembekal menerusi

Customer service call center

- i. 03-62746550
- ii. 03-62749550
- iii. 03-62742550
- iv. 016-298 8708
- v. 016-298 8062

Fax No. 03-6274 7550

Email: info@technosecureprint.com